

Tubuh badan bebas kaji kesan tambakan

um 3/2

KUALA LUMPUR 2 Feb. – Kerajaan perlu menubuhkan jawatankuasa bebas yang dianggotai pakar daripada universiti tempatan bagi mengkaji sama ada kerja-kerja penambakan oleh Singapura di Pulau Tekong menyumbang kepada fenomena banjir besar di Johor baru-baru ini.

Timbalan Pengarah Jabatan Oceanografi Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Profesor Madya Dr. Kamaruzaman Yunus berkata, langkah tersebut adalah cara terbaik bagi menghentikan dakwaan pelbagai pihak yang mengaitkan penambakan tersebut dengan kejadian banjir.

“Ia boleh dilakukan dengan segera kerana kita mempunyai ramai pakar dalam bidang berkenaan dan sebagai penyelidik oceanografi, saya bersedia melakukan kajian sekiranya ada pihak yang sanggup menyumbangkan dana,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini, hari ini.

Beliau mengulas laporan muka depan *Utusan Malaysia* hari ini mengenai kerja-kerja penambakan oleh Singapura di Pulau Tekong yang sudah terlalu hampir dengan daratan Malaysia.

Dalam tinjauan di beberapa kawasan berhampiran seperti di Kampung Tanjung Buai dan Kampung Tanjung Surat di muara Sungai Johor juga mendapati wujudnya beting-beting pasir yang menghalang pergerakan aliran sungai berpunca daripada perubahan pergerakan arus di perairan itu.

Sebelum ini, Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman tidak menolak kemungkinan kerja-kerja tebus guna tanah di Pulau Tekong menyumbang kepada banjir besar disebabkan muara Sungai Johor menjadi sempit dan melambatkan pengaliran air hujan yang berlebihan ke Selat Johor.

Menafikan

Bagaimanapun, Kementerian Pembangunan Negara Singapura dalam satu kenyataan semalam menafikannya dengan menyatakan tiada ada asas saintifik bagi menyokong dakwaan tersebut.

Kamaruzaman berkata, berdasarkan kajiannya sebelum ini, tiada sebarang bukti yang mengaitkan kejadian banjir dengan

aktiviti penambakan laut.

“Kejadian banjir kebiasaannya berpunca daripada aliran air dari kawasan berbukit di hulu dan bukannya kenaikan paras air laut di kawasan hilir sungai,” jelasnya.

Beliau berpendapat, faktor curahan air hujan yang banyak di Johor adalah penyebab utama kejadian banjir tersebut.

Rabu lalu, Ketua Jabatan Hidro dan Hidrologi, Fakulti Kejuruteraan Awam Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Profesor Madya Dr. Sobri Harun yang diminta mengulas isu sama berkata, banjir besar di Johor terutama di Kota Tinggi bukan disebabkan aktiviti penambakan laut di Pulau Tekong.

Ini kerana, katanya, jika aktiviti itu menjadi punca banjir di daerah berkenaan, sudah tentu kawasan yang berhampiran dengan pulau itu seperti Tanjung Surat, Tanjung Langsat dan Tanjung Buai serta Sungai Lebam turut dilanda banjir.

Ketiga-tiga kawasan terbabit tidak dinaiki air semasa gelombang kedua bencana itu melanda Kota Tinggi pada 11 Januari lalu.